

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear CUSTOMER,

This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your family takaful. Other customers have read this PDS and found it helpful; **you should read it too.**

Product Name: Credit Protector Plus-i (This is a takaful product)

Printed date:

1 What is Credit Protector Plus-i?

Credit Protector Plus-i is offered to credit card holders of CIMB Islamic Bank Berhad ("master contract holder"). This is a family takaful term plan with surplus sharing that provides takaful benefits for you as the principal cardholder ("person covered") from any of the covered events during the term of the coverage. Upon claim, the takaful benefit will be payable to the master contract holder to offset against the total outstanding balance of the enrolled credit card.

Shariah principles:

- Between participants of the takaful fund for mutual financial assistance under tabarru' (voluntary contribution) principle.
- Between the takaful operator ("Sun Life Malaysia Takaful Berhad") and master contract holder in managing the takaful funds under wakalah (appointment of agent/representatives) principle.

2 Know Your Coverage

As an illustration, for contribution <refer to Section 3 "Know Your Obligations"> (inclusive of service tax, if any), you will receive the following takaful **coverage**:

Events	Benefits payable
• Death benefit • Total and permanent disability (TPD) benefit • Critical illness (CI) benefit	• The sum covered* less any unpaid contribution based on total outstanding balance at the date of the covered event. • The critical illness covered under CI benefit include: 1. Cancer 2. Stroke 3. Heart attack Note: This is not a complete list. Please read the master contract and the Appendix - Listing of Critical Illnesses for details on the critical illness covered.
Coverage duration	Monthly renewable up to age 65. Note: The takaful coverage will start upon the activation date of the CIMB Islamic Bank credit card.

Note (*): The sum covered is equal to the person covered's credit card's total outstanding balance at the date of the covered event, but not more than the card's credit limit and subject to a maximum payment of RM150,000 per person covered. If multiple covered events on death/TPD/CI occur, the amount payable will be the sum covered as at the earliest occurrence of the covered event submitted.

The total outstanding balance shall mean the last statement balance, plus the outstanding balance for Islamic credit card services (example: Cash Lite-i, Instalment Payment Plan, Flexi Payment Plan-i, balance conversion-i and/or any other services that may be introduced in future) to the person covered's Islamic credit card account transacted prior to the covered event.

The benefit(s) payable under eligible certificate/policy/contract is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System (TIPS) Brochure or contact Sun Life Malaysia Takaful Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Your family takaful **excludes:**

- Suicide - if death was due to suicide within 1 year from the certificate commencement date, the certificate will be terminated and no death benefit will be payable.
- Medical conditions that you had, or had symptoms of, before participating in this plan (i.e. pre-existing condition)

Note: This list is **non-exhaustive**. You must refer to the master contract and/or certificate of takaful documents for the full list of exclusions.

If you have any questions or require assistance on your family takaful, you can:



Call us at:
1300-88-5055



Visit our website at:
<https://www.sunlifemalaysia.com>



Email us at:
wecare@sunlifemalaysia.com



For claim related:
<https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-claim>

PRODUCT DISCLOSURE SHEET
3 Know Your Obligations

For your family takaful, you must pay the takaful contribution of:	
Monthly contribution (inclusive of service tax, if any)	RM0.60 per RM100 on the monthly CIMB Islamic Bank credit card total outstanding balance as of the credit card statement date.
Contribution duration	Monthly renewable up to age 65
You also have to pay the following fees and charges:	
Stamp duty	RM10.00. This amount will be borne by us.
Wakalah fee	60% of monthly contribution payable throughout the certificate term.
Commission	10% of monthly contribution payable throughout the certificate term.
Service tax	Not applicable.
Other applicable charges	Tabarru' - The deducted tabarru' is to cover the cost of the covered benefit.
Our share of surplus in participants' tabarru' fund, as incentive, if any	50% of the declared surplus, determined each financial year.

Example:

Statement balance as of credit card statement date on 21st March (A)	: RM1,523
Outstanding balance on credit card services (B)	: RM2,000
Total outstanding balance (C) = (A) + (B)	: RM3,523
Credit Protector Plus-i contribution charge in the same credit card statement	: $RM3,523 \times (RM0.60 / RM100) = \text{RM21.14}$
Wakalah fee	: $60\% \times RM21.14 = \text{RM12.68}$
Commission	: $10\% \times RM21.14 = \text{RM2.11}$

4 Other Key Terms

- Importance of disclosure** – You must disclose all material facts such as the medical condition and state the age or date of birth correctly. If the certificate of takaful is intended wholly for your personal purposes, you must take reasonable care to disclose any facts that you know to be relevant to us and not to mislead us. Your above duty of disclosure continues until the certificate of takaful is issued.
- Changes to contact details/personal details** – It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all future correspondences reach you in a timely manner.
- Survival period** – Survival period of 30 days from date of diagnosis of critical illness for the person covered. Survival period will not be applicable to critical illnesses in which person covered had actually undergone the surgical/medical procedure, i.e., coronary artery disease requiring surgery and major organ transplant.
- Waiting period** – Waiting period of 30 days from commencement date is applicable to all critical illnesses with exception to cancer, coronary heart disease requiring surgery, heart attack and serious coronary artery disease which shall be subject to a 60-day waiting period.

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the master contract and/or certificate of takaful documents for the full list of terms and conditions under this plan.

? Can I cancel my certificate?

Yes, you may cancel your certificate by giving a written notice to us.

- Free look period** – You may cancel your certificate of takaful within 15 calendar days from the delivery date of the certificate of takaful. We shall refund the full contribution paid less any expenses we incurred for any medical underwriting required for the issuance of the certificate of takaful.
- Written notice** – You may cancel your certificate of takaful at any time by giving written notice to the master contract holder. Once the certificate of takaful is surrendered or in the event that you decide to cancel your CIMB Islamic Bank credit card, no cash surrender value will be payable. All the benefits and rights under the certificate of takaful will end.

Important Note:

Participating in a family takaful plan is a long-term financial commitment. You must choose the type of plan that best suits your personal circumstances. You should read and understand the takaful certificate documents and discuss with our authorised representative or contact us directly for more information.

This plan is managed by Sun Life Malaysia Takaful Berhad <Registration Number: 200501012215 (689263-M)>, a takaful operator regulated by Bank Negara Malaysia and licensed under the Islamic Financial Services Act 2013.

This plan is distributed by CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872. CIMB Islamic Bank Berhad is located at 17th Floor Menara CIMB, No 1 Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

APPENDIX - LISTING OF CRITICAL ILLNESSES**1. The 36 covered critical illnesses are listed as below:**

- Alzheimer's Disease/Severe Dementia
- Bacterial Meningitis
- Benign Brain Tumor
- Brain Surgery
- Cancer
- Cardiomyopathy
- Chronic Aplastic Anemia
- Coma
- Coronary Artery ByPass Surgery
- Deafness – Permanent and Irreversible
- Encephalitis
- End-Stage Liver Failure
- End-Stage Lung Disease
- Full-Blown AIDS
- Fulminant Viral Hepatitis
- Heart Attack
- Heart Valve Surgery
- HIV Infection due to Blood Transfusion
- Kidney Failure
- Loss of Independent Existence
- Loss of Speech
- Major Head Trauma
- Major Organ/Bone Marrow Transplant
- Medullary Cystic Disease
- Motor Neuron Disease
- Multiple Sclerosis
- Muscular Dystrophy
- Occupationally Acquired Human Immunodeficiency Virus (HIV) Infection
- Parkinson's Disease
- Primary Pulmonary Arterial Hypertension
- Serious Coronary Artery Disease
- Stroke
- Surgery to Aorta
- Systemic Lupus Erythematosus with Severe Kidney Complications
- Terminal Illness
- Third Degree Burns

Please refer to the master contract documents for complete list of definitions.

DOKUMEN KETERANGAN PRODUK
PELANGGAN Yang Dihormati,

Dokumen Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda juga sepatutnya membacanya.**

Nama Produk: Credit Protector Plus-i (Ini adalah produk takaful)
Tarikh dicetakkan:
1 Apakah Credit Protector Plus-i?

Credit Protector Plus-i ditawarkan untuk pemegang kad kredit CIMB Islamic Bank Berhad ("pemegang kontrak induk"). Ia adalah pelan takaful keluarga dengan perkongsian lebihan yang menyediakan manfaat-manfaat takaful kepada anda sebagai pemegang kad prinsipal ("orang yang dilindungi") atas kejadian yang dilindungi dalam tempoh perlindungan. Tuntutan manfaat takaful akan dibayar kepada pemegang kontrak induk untuk menjelaskan jumlah baki tertunggak kad kredit.

Prinsip-prinsip Syariah:

- Antara peserta-peserta dana takaful untuk bantuan kewangan bersama di bawah prinsip tabarru' (sumbangan sukarela).
- Antara pengendali takaful ("Sun Life Malaysia Takaful Berhad") dengan pemegang kontrak induk dalam menguruskan dana-dana takaful di bawah prinsip wakalah (perlantikan ejen/wakil).

2 Ketahui Perlindungan-perindungan Anda

Sebagai ilustrasi, bagi sumbangan <rujuk kepada Seksyen 3 "Ketahu Tanggungjawab Anda"> (termasuk cukai perkhidmatan, jika ada), anda akan menerima **perlindungan** takaful berikut:

Kegiatan	Manfaat-manfaat yang dibayar
• Manfaat kematian • Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) • Manfaat penyakit kritikal (CI)	• Jumlah yang dilindungi* tolak sebarang sumbangan yang belum dibayar berdasarkan jumlah baki tertunggak pada tarikh kejadian yang dilindungi berlaku. • Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah manfaat ini termasuk: 1. Kanser 2. Strok 3. Serangan jantung Nota: Ini bukan senarai lengkap. Sila baca kontrak induk dan Lampiran – Senarai Penyakit Kritikal untuk butiran lanjut tentang penyakit kritikal yang dilindungi.
Tempoh perlindungan	Diperbaharui setiap bulan sehingga umur 65 tahun. Nota: Perlindungan takaful akan bermula pada tarikh kad kredit CIMB Islamic Bank diaktifkan.

Nota (*): Jumlah yang dilindungi adalah berdasarkan jumlah baki tertunggak kad kredit orang yang dilindungi pada tarikh kejadian yang dilindungi berlaku, tetapi tidak akan melebihi had kad kredit dan tertakluk kepada bayaran maksimum RM150,000 bagi setiap orang yang dilindungi. Jika pelbagai kejadian yang dilindungi atas kematian/TPD/penyakit kritikal berlaku, amaun yang dibayar adalah jumlah yang dilindungi pada kejadian terawal yang dilindungi yang diserahkan.

Jumlah baki tertunggak bermaksud baki penyata terakhir, termasuk baki tertunggak untuk perkhidmatan kad kredit Islamik (contoh: Cash Lite-i, Pelan Pembayaran Ansuran, Pelan Pembayaran Flexi-i, penukaran baki-i dan/atau sebarang perkhidmatan yang akan diperkenalkan pada masa hadapan) kepada akaun kad kredit Islamik orang yang dilindungi yang bertransaksi sebelum kejadian yang dilindungi berlaku.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful keluarga anda **tidak meliputi:**

- Bunuh diri - sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh permulaan sijil, sijil akan ditamatkan dan manfaat kematian tidak akan dibayar.
- Keadaan perubatan yang anda alami, atau mempunyai simptomnya, sebelum menyertai pelan ini (iaitu keadaan sedia ada).

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak induk dan/atau sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-5055



Layari laman web kami di:
<https://www.sunlifemalaysia.com>



Emel kepada kami di:
wecare@sunlifemalaysia.com



Untuk tuntutan berkaitan:
<https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-claim>

DOKUMEN KETERANGAN PRODUK
3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful keluarga anda, anda mesti membayar sumbangan takaful sebanyak:	
Sumbangan bulanan (termasuk cukai perkhidmatan, jika ada)	RM0.60 setiap RM100 daripada jumlah baki tertunggak bulanan untuk kad kredit CIMB Islamic Bank, pada tarikh penyata kad kredit.
Tempoh sumbangan	Diperbaharui setiap bulan sehingga umur 65 tahun.
Anda juga harus membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Duti setem	RM10.00. Jumlah ini akan ditanggung oleh kami.
Yuran wakalah	60% daripada sumbangan bulanan yang dibayar sepanjang tempoh sijil.
Komisen	10% daripada sumbangan bulanan yang dibayar sepanjang tempoh sijil.
Cukai perkhidmatan	Tidak berkenaan.
Yuran-yuran lain yang berkenaan	Tabarru' - Tabarru' yang ditolak adalah untuk membayar kos perlindungan manfaat.
Perkongsi kami dalam lebihan dana tabarru' peserta, sebagai insentif, jika ada	50% daripada lebihan yang diisytiharkan, ditentukan pada setiap tahun kewangan.

Contoh:

Baki penyata kad kredit pada tarikh 21 Mac (A)	: RM1,523
Baki tertunggak pada perkhidmatan kad kredit (B)	: RM2,000
Jumlah baki tertunggak (C) = (A) + (B)	: RM3,523
Sumbangan Credit Protector Plus-i dicaj pada tarikh penyata kad kredit yang sama	: $RM3,523 \times (RM0.60 / RM100) = \text{RM21.14}$
Yuran wakalah	: $60\% \times RM21.14 = \text{RM12.68}$
Komisen	: $10\% \times RM21.14 = \text{RM2.11}$

4 Terma-terma Utama

- Kepentingan pendedahan** - Anda dikehendaki mendedahkan kesemua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur atau tarikh lahir anda dengan betul. Jika sijil takaful ini sepenuhnya untuk tujuan peribadi, anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk mendedahkan apa-apa fakta yang anda tahu akan berkaitan terhadap kami dan tidak mengelirukan kami. Kewajipan pendedahan berterusan adalah tugas anda sehingga sijil takaful ini dikeluarkan.
- Perubahan kepada maklumat hubungan/maklumat peribadi** - Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat akan sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Tempoh hidup** - Tempoh hidup selama 30 hari dari tarikh orang yang dilindungi didiagnos penyakit kritikal. Tempoh hidup tidak terpakai bagi penyakit kritikal yang mana orang yang dilindungi telah menjalani prosedur pembedahan/perubatan seperti penyakit arteri koronari yang memerlukan pembedahan dan pemindahan organ utama.
- Tempoh menunggu** - Tempoh menunggu selama 30 hari dari tarikh permulaan sijil untuk semua penyakit kritikal kecuali Kanser, penyakit jantung koronari yang memerlukan pembedahan, Serangan Jantung dan Penyakit Arteri Koronari Serius yang akan tertakluk kepada tempoh menunggu selama 60 hari.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak induk dan/atau sijil takaful untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- Tempoh semakan percuma** - Anda boleh membatalkan sijil takaful anda dalam masa 15 hari kalendar dari tarikh penghantaran sijil takaful. Kami akan memulangkan jumlah penuh sumbangan yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan yang kami tanggung untuk sebarang perunderaitan perubatan yang diperlukan untuk pengeluaran sijil takaful.
- Notis bertulis** - Anda boleh membatalkan sijil takaful anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada pemilik kontrak induk. Sekiranya sijil takaful diserahkan atau sekiranya anda membuat keputusan untuk membatalkan kad kredit CIMB Islamic Bank anda, tiada nilai serahan tunai akan dibayar. Semua manfaat dan hak di bawah sijil takaful akan tamat.

Nota penting:

Menyertai pelan takaful keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda mesti memilih jenis pelan yang memenuhi keperluan peribadi anda dengan sebaiknya. Anda seharusnya membaca dan memahami dokumen sijil takaful anda dan berbincang dengan wakil kami yang diberi kuasa atau terus menghubungi kami untuk maklumat lanjut.

Pelan ini diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad <Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)>, pengendali takaful yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pelan ini diedarkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872. CIMB Islamic Bank Berhad berpejabat di Aras 17 Menara CIMB, No 1 Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

LAMPIRAN - SENARAI PENYAKIT KRITIKAL**1. 36 penyakit kritikal yang dilindungi adalah disenaraikan seperti yang berikut:**

- Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk
- Meningitis Bakteria
- Tumor Otak Benign
- Pembedahan Otak
- Kanser
- Kardiomiopati
- Anemia Aplastik Kronik
- Koma
- Pembedahan Pintas Arteri Koronari
- Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih
- Ensefalitis
- Kegagalan Hati Tahap Akhir
- Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir
- AIDS dengan Gejala Penuh
- Hepatitis Viral Fulminan
- Serangan Jantung
- Pembedahan Injap Jantung
- Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah
- Kegagalan Buah Pinggang
- Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
- Hilang Keupayaan Bertutur
- Trauma Kepala Major (Teruk)
- Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
- Penyakit Sistik Medular
- Penyakit Neuron Motor
- Sklerosis Multipel
- Distrofi Otot
- Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan
- Penyakit Parkinson
- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
- Penyakit Arteri Koronari Serius
- Strok/Angin Ahmar
- Pembedahan Aorta
- Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
- Penyakit Terminal (Membawa Maut)
- Kelecuman Tahap Ketiga

Sila rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak induk untuk definisi yang lengkap.